

Istilah Kesan PENULARAN COVID-19

MASALAH penularan wabak kerap kali kedengaran di seluruh dunia. Wabak besar seperti Ebola, selesema burung, selesema babi dan bermacam-macam lagi jenis wabak kerap kali dilaporkan, dan negara kita juga tidak terkecuali merasai kesan wabak tersebut.

APABILA membaca laporan berkenaan wabak penyakit ini, akan kedengaran beberapa istilah berkaitan penularan wabak, khususnya tiga istilah yang berbeza tetapi hampir sama bunyinya, iaitu epidemik, endemik dan pandemik. Ketiga-tiga istilah tersebut diambil daripada istilah bahasa Inggeris (*pandemic*, *endemic* dan *epidemi*), dan apabila istilah itu diserapkan dalam bahasa Melayu, ejaannya mengalami perubahan yang minimum, iaitu perubahan huruf "c" kepada huruf "k". Dalam pangkalan data istilah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), ketiga-tiga istilah tersebut terangkum dalam bidang perubatan.

Istilah epidemik merujuk wabak yang menyerang sekumpulan manusia atau komuniti. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat (KDE4)*, epidemik membawa makna penyakit berjangkit yang mudah merebak dalam kalangan penduduk di sesuatu kawasan pada waktu yang sama. Istilah endemik pula merujuk penyakit atau wabak yang sentiasa wujud di sesuatu kawasan atau daerah tertentu, termasuklah dalam skop yang lebih besar seperti sebuah negara. Wabak endemik yang paling popular ialah penyakit malaria yang menyerang kawasan di benua Afrika. Istilah pandemik merujuk wabak yang menyerang dalam skop yang lebih besar, tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata, biasanya mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat. Oleh sebab menyerang dalam skop yang luas, wabak pandemik yang berlaku merupakan ancaman yang berisiko tinggi, ekoran kesannya yang mampu membunuh ramai orang dalam masa yang singkat.

Pada ketika ini, pandemik yang berlaku ialah jangkitan Penyakit Koronavirus 2019 atau COVID-19. Ekoran pandemik itu juga, muncul beberapa istilah lain yang berkaitan dengan wabak COVID-19. Antaranya termasuklah penularan (*transmission*), kuarantin (*quarantine*), berjangkit (*infectious*) dan kontak rapat (*close contact*). Istilah kontak rapat paling kerap didengar kerana salah satu aspek yang dilakukan semasa proses saringan individu yang disyaki dijangkiti virus COVID-19 ialah pertanyaan

Gunakan pelitup muka untuk mengelakkan jangkitan COVID-19.

berkaitan siapa kontak rapat individu berkenaan.

Kaedah kuarantin juga digunakan untuk mengehadkan berlaku kontak antara orang disyaki menghidap COVID-19 dengan orang lain, yang bertujuan untuk memutuskan rantaian penularan jangkitan virus COVID-19. Kaedah kuarantin yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula secara tidak langsung memunculkan istilah kuarantin sendiri (*self-quarantine*). Menurut pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), individu yang mengetahui diri mereka ada membuat kontak rapat dengan individu lain yang disyaki dijangkiti virus COVID-19, haruslah melakukan kuarantin sendiri selama 14 hari di rumah masing-masing atau pun di tempat lain yang berasingan daripada keluarga mereka. Begitu juga dengan individu yang baru pulang ke tanah air selepas bercuti atau bertugas di luar negara akan menjalani tempoh kuarantin selama 14 hari di tempat yang dikhaskan oleh KKM. Dalam tempoh kuarantin itu, ujian saringan (*screening test*) akan dilakukan bagi mengesan sama ada mereka mengalami simptom jangkitan COVID-19 ataupun tidak.

Satu lagi istilah yang menjadi popular ialah penjarakan sosial (*social distancing*). Setiap hari istilah penjarakan sosial akan kedengaran dalam media TV atau berlegar dalam media sosial kerana istilah tersebut menjadi salah satu kaedah berkesan untuk memutuskan rantaian penularan virus COVID-19. Penjarakan sosial bermaksud setiap individu harus berada dalam jarak satu meter dengan individu lain, misalnya apabila membeli barang keperluan harian di pasar raya besar, dan memastikan tidak berlaku sentuhan dengan individu lain.

Pihak KKM juga turut mengumumkan simptom individu yang dijangkiti virus COVID-19. Maka itu, muncullah beberapa istilah seperti kegagalan pernafasan (*respiratory failure*), radang paru-paru (*pneumonia*) dan sesak nafas (*breathlessness*), termasuklah istilah umum seperti batuk, sakit tekak, demam atau selesema. Sebagai langkah untuk mengelak daripada dijangkiti virus COVID-19 yang merebak daripada satu individu

kepada individu lain melalui titisan dari hidung atau mulut, yang tersebar apabila individu itu batuk atau bersin, maka istilah seperti pelitup muka (*face mask*), pensanitasi tangan (*hand sanitizer*), sarung tangan (*glove*) menjadi popular. Istilah *face mask* menjadi paling popular ekoran kehabisan stoknya dalam pasaran. Hal ini disebabkan bukan sahaja pihak hospital yang memerlukan dan menggunakan alat tersebut malahan orang awam juga disarankan memakai pelitup muka bagi mengekang perebakan virus COVID-19 melalui titisan yang berlaku akibat selesema, batuk dan bersin daripada individu yang dijangkiti virus berkenaan. Istilah *face*



Cuci tangan dengan pensanitasi tangan untuk mencegah jangkitan virus COVID-19.

mask juga menjadi tular kerana penjual mengambil kesempatan menaikkan harganya. Walaupun istilah padanan bagi *face mask* dalam pangkalan data istilah DBP ialah pelitup muka, namun istilah itu memang jarang-jarang digunakan oleh masyarakat. Istilah yang biasanya digunakan ialah penutup mulut dan hidung dan topeng muka.

Memandangkan jumlah kes kian meningkat, hampir semua negara di dunia mengumumkan langkah tertentu untuk memerangi wabak COVID-19. Lantaran itu, muncul istilah sekatan pergerakan (*lockdown*) dan di sesetengah negara melaksanakan perintah berkurung (*curfew*) sebagai usaha drastik untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Di Malaysia, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengumumkan PKP daripada istilah bahasa Inggeris, *Movement Control Order* (MCO) atau *Restricted Movement Order*

(RMO) yang berkuat kuasa mulai 18 hingga 31 Mac 2020 dan kemudian mengumumkan PKP dilanjutkan dua minggu lagi hingga 14 April 2020. Dalam tempoh PKP tersebut, pihak KKM dengan bantuan Pihak Berkuasa Tempatan melakukan proses nyahkuman atau disinfeksi (*disinfection*) di beberapa bangunan dan tempat, khususnya kawasan yang berada dalam zon merah. Kesannya, istilah nyahkuman atau nyahcemar diketahui oleh masyarakat yang selama ini hanya mengetahui istilah disinfeksi yang diambil langsung daripada bahasa Inggeris.

Akibat pertambahan kes baharu jangkitan virus COVID-19, kakitangan hospital seperti doktor, jururawat, pembantu perubatan dan atendan hospital termasuklah pembantu tadbir hospital dan tukang cuci yang membuat saringan, merawat dan berhadapan dengan pesakit COVID-19 dilabelkan sebagai barisan hadapan (*frontliner*). Istilah barisan hadapan begitu popular, terutama dalam media sosial kerana setiap lapisan masyarakat amat menghargai jasa dan khidmat bakti mereka dalam menangani kes COVID-19. Barisan hadapan juga dikasihani kerana terpaksa menahan rasa panas semasa memakai peralatan perlindungan diri (*personal protective equipment*, PPE) yang merangkumi topi pembedahan, perisai muka, sarung tangan, pakaian khas, sarung penutup kasut dan topeng wajah N95.

Jelas bahawa penularan wabak COVID-19 telah mempopularkan beberapa istilah, terutama dalam bidang kesihatan, perubatan dan penyakit seperti yang dinyatakan dalam makalah ini. Istilah bidang lain juga turut digunakan dan secara tidak langsung istilah itu diketahui oleh masyarakat. Apa yang pasti, beberapa istilah itu sudah ada dalam pangkalan data istilah DBP dan boleh dirujuk dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Yang menariknya, beberapa istilah berkenaan menjadi sohor kini dalam media sosial seiring dengan penularan wabak COVID-19. Walau apa-apapun istilahnya, pesanan daripada Perdana Menteri harus dipatuhi oleh semua rakyat Malaysia dalam tempoh PKP, iaitu "duduk di rumah" atau "stay at home". **PB**